



Headline: Tukang jahit rugi RM52,500 terpedaya Language: Malay  
sindiket Macau Scam

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 19 September 2019

Page: 27

---

## Tukang jahit rugi RM52,500 terpedaya sindiket Macau Scam

**Jasin:** Seorang tukang jahit di Sungai Rambai, kerugian RM52,500 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar pegawai pejabat pos dan pegawai polis kelmarin.

Wanita berusia 45 tahun itu dikatakan mempunyai barang kepunyaannya yang tidak dituntut dan dirampas oleh pihak kastam selain mengaitkan dirinya terbabit dengan pengubahan wang haram melalui panggilan telefon.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Arshad Abu berkata, mangsa mengadu menerima panggilan daripada suspek dan disambungkan kepada polis mengenai perkara itu.

“Pengadu menafikan perkara itu. Suspek kemudian meminta pengadu memindahkan wang ke akaun yang akan diberikan untuk tujuan pengauditan.

“Pengadu kemudian memasukkan wang secara berperingkat ke dalam nombor akaun sebuah bank dengan penama lelaki dan akaun sebuah lagi bank dengan penama lelaki lain membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM52,500, bermula April hingga awal September lalu,” katanya.